



Candi Borobudur turut menjadi lokasi persinggahan peserta program.



Aktiviti santai peserta di kawasan air terjun Umbul Songo Semarang.

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Yogyakarta

Perbezaan sistem pemerintahan dan perundangan di Indonesia mendorong sekumpulan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkhujang ke negara itu menerusi program *Connecting Cultures: Intra-Relation of Knowledge 2015*.

Program disertai pelajar tahun akhir Fakulti Undang-Undang UKM itu menyediakan peluang kepada mereka mendalami sistem pemerintahan dan perundangan negara itu menerusi sesi perbincangan yang diadakan dengan pensyarah serta pelajar di beberapa universiti tempatan.

Pengarah program, Hardzard Mohd Sabri, berkata universiti terabit ialah Universiti Gadjah Mada, Uni-



K SUMUR, YOGYAKARTA 55281
180. FAX 512781. 564141

Lawatan peserta ke Fakultas Hukum, Universitas Gadjah Mada.

Kongsi pengetahuan perundangan

versi Islam Indonesia, Universiti Muhammadiyah Yogyakarta dan Universiti Diponegoro.

Katanya, pelbagai pengetahuan dikongsi sepanjang sesi itu bagi merungkit perbezaan sistem kedua-dua negara.

"Di Indonesia, mereka menggunakan amalan sistem pemerintahan kerajaan berpresiden yang mana presiden akan dilantik dan kerajaan pusat pula akan menguruskan segala urusan.

Empat peringkat

"Sistem mahkamah negara pula mempunyai empat peringkat iaitu Mahkamah Rendah, Mahkamah Daerah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan," katanya.

Berbeza di Malaysia, katanya, amalan sistem pemerintahan beraja digunakan dan Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di negara ini.

Beliau berkata, pendedahan lawatan berjaya memberi nilai tambah kepada penge-

ahuan pelajar berkaitan undang-undang negara luar selain peluang mendalami adat dan budaya masyarakat tempatan.

Peserta, Aisha Nazura Rosli, berkata selain membina jaringan kenalan dengan pelajar universiti berkenaan, program turut membolehkan peserta berkongsi kisah bersejarah menerusi aktiviti lawatan ke beberapa lokasi menarik.

Katanya, lokasi itu ialah Candi Prambanan, Candi Borobudur, Gua Pindul, Candi Gedong Songo, Pantai Indrayanti dan Umbul Songo Semarang.

"Ketika berkunjung ke Candi Borobudur, kami berpeluang menyaksikan pementasan teater Ramayana iaitu kisah cinta Rama dan Shinta dengan alunan muzik yang memikat hati penonton," katanya.

Persembahan kebudayaan oleh pelajar UKM.



Peserta menikmati keindahan di Pantai Indrayanti.